

22 JAN 2001

Mahathir-Umno (Bergambar)

UMNO AKAN PASTIKAN PIMPINAN DIWARISI GENERASI MUDA BERWIBAWA

MELAKA, 22 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno akan memastikan peralihan kepimpinan parti adalah kepada generasi muda yang berwibawa dan cekap supaya perjuangan parti dapat diteruskan dengan berjaya.

"Pemimpin yang ada sudahpun dewasa dan mungkin ada yang sudah terlalu tua tetapi mereka perlu digantikan dengan generasi muda yang berwibawa dan cekap supaya perjuangan Umno dapat diteruskan dan kita dapat menjadi negara maju menjelang tahun 2020," katanya.

Oleh itu adalah menjadi harapan Umno untuk menarik lebih banyak sokongan daripada generasi muda.

"Ini kerana perjuangan Umno sekarang adalah untuk waris kita iaitu generasi muda yang akan mengambil alih dan teruskan perjuangan ini...yang sedang kita usahakan ialah untuk masa depan negara kita," kata Perdana Menteri dan Presiden Umno semasa berucap merasmikan bangunan Graha Umno di sini hari ini.

Dalam masa yang sama, Dr Mahathir berkata generasi tua tidak boleh dilupakan kerana mereka telah menyumbang banyak kepada perjuangan Umno.

"Kita ingin lihat cantuman tenaga antara yang tua dan muda supaya pengalaman yang tua dapat dipergunakan oleh generasi muda yang akan teruskan perjuangan ke arah negara Malaysia yang maju dan terus merdeka daripada sebarang jenis penjajahan," katanya.

Dr Mahathir menegaskan bahawa kepimpinan Umno tidak boleh lumpuh tetapi sebaliknya harus diperkukuhkan bagi meneruskan perjuangan untuk menunaikan segala janji dan harapan rakyat.

Umno telah berjaya sebagai sebuah parti teras di negara ini kerana mendapat sokongan rakyat sama ada daripada orang Melayu atau rakyat berbilang kaum yang lain.

"Kita berjaya kerana sokongan rakyat...parti ini (Umno) telah berjasa kepada negara, kepada rakyat berbilang kaum dan sudah tentu kepada orang Melayu (sendiri). Ini terbukti berhasil kerana hari ini Malaysia telah menjadi sebuah negara yang termaju di antara negara-negara membangun."

Hari ini Malaysia menjadi negara contoh kepada dunia ketiga dan negara maju juga terpaksa akui akan kebolehan Malaysia, rakyatnya dan parti Barisan Nasional serta Umno yang menjadi teras parti BN yang memerintah, katanya.

Beliau berkata disebabkan itu Umno perlu meneruskan perjuangannya untuk negara dan rakyat haruslah membantu memperkukuhkan Umno kerana banyak lagi perjuangan yang hendak diteruskan.

Perdana Menteri berkata dunia sekarang ini menjadi lebih mencabar daripada dahulu kerana walaupun selepas berjaya mencapai kemerdekaan, usaha masih terus dilakukan oleh kuasa asing untuk menjajah semula negara ini.

"Ada usaha sedang dibuat untuk jajah negara kita semula...tidak melalui penempatan tentera atau serangan seperti yang dilakukan oleh Portugis dahulu. Sekarang penjajahan dilakukan melalui cara lain iaitu mereka gunakan kekuatan ekonomi untuk menguasai negara kita.

"Mereka akan memeralatkan rakyat Malaysia sendiri melalui pelbagai pertubuhan yang sengaja mereka tolong adakan supaya dapat lemahkan kerajaan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir menegaskan bahawa kuasa-kuasa itu akan menggunakan apa juga cara supaya negara ini, yang telah merdeka, stabil dan dibangunkan sejak 43 tahun lalu, disekat pertumbuhannya sama ada daripada segi ekonomi ataupun

politik.

"Kita telah lihat beberapa negara, kerajaannya telah ditumbangkan melalui usaha kuasa-kuasa asing...kadang-kala memang pertukaran itu membawa kebaikan tetapi ada pertukaran yang tidak mendatangkan sedikit pun kebaikan kepada negara atau rakyat, sebaliknya huru hara yang berterusan berlaku dan tidak ada pembangunan dan pemulihan yang boleh dibuat," kata Dr Mahathir.

Rakyat harus berjaga-jaga supaya nasib yang menimpa negara lain itu tidak menimpa negara kita.

"Benteng pertahanan kita masih juga Umno dan rakan-rakan dalam BN...Umno akan mempertahankan kemerdekaan Malaysia dan membangunkan Malaysia supaya walaupun negara lain tumbang tetapi Malaysia tetap tegak sebagai sebuah negara yang merdeka," tegas beliau.

Bangunan yang dirasmikan setinggi lapan tingkat itu terletak di Jalan Hang Tuah dan dibina dengan kos RM12 juta. Ia beroperasi sejak April lalu menempatkan sebuah bank dan Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Ketua Menteri Datuk Wira Mohamed Ali Rustam serta para anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno adalah antara kira-kira 3,000 tetamu yang menghadiri majlis perasmian berkenaan yang kemudian diikuti dengan mesyuarat MT yang kali kedua diadakan di luar Kuala Lumpur selepas Ipoh pada tahun lalu.

-- BERNAMA

MOZ RON